

Selidik taska sebelum hantar anak

ROSNI SAAD

SHAH ALAM – Ibu bapa dinasihatkan meneliti kriteria yang ada pada sesebuah taman asuhan kanak-kanak (taska) sebelum memutuskan untuk menghantar anak-anak mereka ke sana.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kebajikan, Hal Ehwal Wanita, Sains, Teknologi dan Inovasi, Rodziah Ismail berkata, ibu bapa perlu menilai beberapa aspek pada taska berkenaan, termasuklah dari segi keselamatan dan kebersihan.

“Adalah lebih baik sekiranya ibu bapa membuat sedikit kajian mengenai taska berkenaan dan kawasan persekitarannya, sebelum menghantar anak mereka.

“Bagaimanapun, perkara utama yang perlu dititikberatkan ialah memastikan taska berkenaan berdaftar dan mempunyai sijil kelulusan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM),” katanya semalam ketika diminta mengulas mengenai keselamatan bayi dan kanak-kanak di taska.

Menurut beliau, Selangor kini menetapkan syarat bahawa taska di negeri ini ha-



● RODZIAH ISMAIL



INFO

Kerajaan Selangor lebih mementingkan kualiti setiap taska daripada kuantiti

● Taska perlu mengikut garis panduan yang ditetapkan serta kemudahan yang selesa kepada anak-anak.

MUKADIMAH

Di Tampin, Negeri Sembilan, seorang bayi lelaki berusia sembilan bulan, Wan Nur Alif meninggal dunia akibat tercekik bebola ikan ketika sedang makan bersama kanak-kanak lain di Taman Asuhan Kanak-Kanak (Taska). Kejadian ini pastinya menimbulkan kerisauan dalam hati ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka ke pusat penjagaan kanak-kanak atau taman asuhan kanak-kanak. Pastinya tiada siapa yang mampu menduga kejadian seumpama itu akan berlaku namun, aspek-aspek keselamatan tetap harus dititikberatkan oleh pengusaha pusat itu yang tumbuh bagaikan cendawan selepas hujan.



Pengusaha, penyelia dan pengasuh taska perlu ikuti kursus

SHAH ALAM – Pengusaha, penyelia dan pengasuh di taman asuhan kanak-kanak (taska) perlu mengikuti Kursus Asas Asuhan Kanak-kanak sebelum menawarkan perkhidmatan kepada masyarakat.

Presiden Persatuan Taska Selangor, Mahanom Basri berkata, kursus berkenaan penting kerana selain memberi bimbingan dan panduan lengkap kepada peserta terhadap perkara-perkara utama dalam pengasuhan kanak-kanak bagi membolehkan perkembangan minda mereka berlaku secara me-



● MAHANOM BASRI

tempat untuk mereka menghantar anak-anak mereka. “Ibu bapa perlulah memastikan taska berkenaan berdaftar dengan JKMSER

nya dibenarkan beroperasi setelah mendapatkan kelulusan dan sijil daripada JKM.

"Sekiranya permohonan pengusaha taska mendapat kelulusan JKM, barulah mereka boleh mendapatkan kelulusan daripada pihak berkuasa tempat (PBT), bomba, dan Jabatan Kesihatan.

"Justeru, jika sebelum ini ada taska yang memulakan operasi dengan hanya mendapat kelulusan daripada satu pihak sahaja, namun

kini semua proses akan dikawal oleh JKM," katanya.

Tambahnya lagi, Kerajaan Negeri juga bersedia membantu proses pendaftaran bagi taska-taska di negeri ini yang belum berdaftar.

"Terdapat banyak taska di Selangor, bagaimanapun kita perlu mementingkan kualiti setiap taska berbanding kuantitinya, agar anak-anak yang dihantar ke sana dilengkapi dengan kemudahan yang mencukupi serta dididik oleh guru yang mendapat kursus secara

berkala.

"Kerajaan Negeri juga sedang memantau taska-taska yang ada di negeri ini sebelum melaksanakan pemberian bantuan RM75 sebulan kepada semua anak-anak Selangor di pusat jagaan, seperti yang terdapat dalam manifesto kerajaan Pakatan Rakyat (PR) sebelum ini," katanya.

Dalam pada itu, ketika ditanya mengenai penjagaan bayi dan kanak-kanak di rumah persendirian, beliau berkata, ia juga perlu meng-

ikut garis panduan bahkan pengasuh itu sewajarnya mengikuti kursus asuhan.

"Bilangan bayi atau kanak-kanak yang dijaga tidak boleh melebihi sembilan orang, bergantung kepada kategori sama ada bayi atau kanak-kanak.

"Kerajaan Negeri juga akan mempertimbangkan untuk menyediakan peruntukkan geran perniagaan kepada golongan itu agar mereka dapat menyediakan kemudahan yang lengkap di rumah mereka," katanya.

berlaku secara menyeluruh.

"Menerusi kursus ini, peserta akan dibimbing dengan cara yang betul untuk mengasuh kanak-kanak, antaranya termasuklah tumpuan terhadap aspek-aspek penting seperti pertolongan cemas, kebersihan, cara penyediaan makanan yang betul, waktu pemakanan berjadual, serta aktiviti yang sesuai dengan peringkat umur.

"Selain itu, peserta juga akan didedahkan mengenai kepentingan mendapatkan kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan (PBT), jabatan kesihatan, bomba serta Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), sebelum dibenarkan beroperasi," katanya, semalam.

Menurut beliau, terdapat beberapa panduan yang boleh dijadikan rujukan ibu bapa sebelum memilih mana-mana taska sebagai

berdaftar dengan JKM serta memperbaharui lesen perniagaan mereka, di samping mempunyai tenaga pengajar atau pengasuh yang berpengalaman dan terlatih.

"Selain itu, bangunan yang menempatkan taska itu juga perlulah mempunyai kawasan lapang, serta mendapat kelulusan daripada jabatan bomba, PBT dan jabatan kesihatan," katanya.

Tambahnya, kemudahan prasarana di taska juga perlulah bersifat kondusif dan mesra kanak-kanak.

"Di samping itu, aspek kebersihan juga perlu dititikberatkan ibu bapa dalam memutuskan untuk menghantar anak mereka ke taska berkenaan.

"Ibu bapa juga perlu memastikan terdapat program anjuran taska berkenaan turut melibatkan mereka," katanya. >>>

SUARA HATI KOMUNITI



“Sejauh mana selamat atau tidak anak-anak di nurseri atau taska bergantung kepada bagaimana cara taska tersebut mengendalikan kanak-kanak dan aspek yang perlu diambil kira adakah penjaga di sana seorang yang menyayangi kanak-kanak atau tidak. Jika setiap penjaga menyayangi kanak-kanak, saya rasa taska atau nurseri tersebut memang selamat jika mereka mengamalkan ciri-ciri keselamatan dan menerapkan nilai kasih-sayang”

--Zarifah Noor Jaafar, 35